

# DR. MAHATHIR JUAL CENDOL

Oleh NAZRI HASHIM

**A**LOR SETAR: Siapa sangka, Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, yang pernah 'jatuh bangun' dalam politik, sebelum namanya harum disanjung dalam dan luar negeri, dahulunya ialah seorang penjual cendol.

Bermula dengan perniagaan cendol, beliau kemudian berjaya membuka kedai kopi dengan jualan goreng pisang panas dan seterusnya maju setapak dengan membuka gerai buah-buahan di Pekan Rabu, Alor Setar, di sini.

Perniagaan cendolnya itulah membuka peluang beliau menimba pengalaman sebagai ahli perniagaan, mengenal masalah dan selok belok dalam bidang ini. Lantaran itulah setengah pendapat mengatakan beliau mencurahkan dalam buku baru karangannya berjudul, "Panduan Peniaga Kecil", "Menghadapi Cabaran" dan "The Malay Dilemma".

Cerita bagaimana Datuk Seri Dr. Mahathir mula berniaga cendol ialah sewaktu pelajarannya terencat, iaitu di musim peperangan Jepun. "Kerana merasakan masa itu amat berharga, beliau menggunakannya dengan berniaga cendol," beritahu rakan-rakan yang rapat dengan negarawan ini.

Hari ini sekali lagi namanya harum semerbak, bila negara kita merintis kereta buatan sendiri 'Proton Saga'.

Ramai kalangan pemerhati berkata; kerana asas berniaga waktu kecil, Dr. Mahathir berjaya membawa negara ke arah peningkatan ekonominya.

Bukan setakat itu, sejak dilantik menjadi Perdana Menteri 16 Julai 1981, beliau telah memberi seluruh tenaga dan daya fikiran yang mungkin tidak dapat dinilai dengan harganya kepada negara ini;

- Amalan Konsep Bersih, Cekap dan Amanah (BCA), di mana setiap pegawai dan kakitangan kerajaan mesti memjopori dan mengamalkan nilai-nilai BCA ini dengan kesempurnaannya.
- Serentak dengan penyelarasan Waktu Standard Malaysia, kakitangan kerajaan dimestikan datang ke pejabat tepat jam 8.00 pagi dan pulang 4.15 atau lewat sedikit sebagai sumbangan kepada negara. Kad perakam waktu disediakan bagi keberkesanan bekerja dan kakitangan kerajaan dimestikan memakai tanda nama.
- Konsep Pandang Ke Timur. Malaysia tidak semestinya mengharap atau mengagongkan contoh dari barat dalam setiap aspek sama ada pendidikan, teknologi mahu-

• Semangat berniaga dari kecil ini digunakan bangunkan bangsa, negara,

pun pemikiran. Perlaksanaan ini mengejutkan banyak negara Barat sehingga ada yang mengkaji dan mengubah dasar mereka untuk cuba menyesuaikan dengan Negara ini.

- Konsep Persyarikatan Malaysia yang disesuaikan dengan konsep persyarikatan yang diamalkan di Jepun. Konsep ini adalah satu dari ciri konsep Pandang Ke Timur di mana mengubah dasar kerajaan terhadap perjalanan syarikat-syarikat swasta di negara ini. Syarikat swasta akan diberi bantuan untuk mengembangkan perusahaannya sehingga ia boleh memberi keuntungan sebesar-besarnya kepada negara. (Sehingga ini banyak perkhidmatan kerajaan untuk orang ramai yang dikendalikan oleh jabatan kerajaan telah dan akan diwastakan).
  - Kepimpinan Melalui Teladan, bertujuan meningkatkan prestasi perkhidmatan dan kecekapan dalam menabur khidmat kepada rakyat dan negara.
  - Penyerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran kerajaan dalam usaha memberi pendekatan terhadap nilai-nilai rohani yang tinggi. Ekorannya ialah penubuhan Universiti Islam Antarabangsa dan larangan kepada orang-orang Islam memasuki kasino atau tempat perjudian. Pemerhati politik mensifatkan, Perdana Menteri bukanlah seorang pemimpin yang bercakap sekadar menyedapkan mulut. Segala apa yang dicakapkannya akan dikotakan. Beliau mengucapkan sesuatu perkara yang positif dan setiap yang dilahirkannya adalah untuk memperbaiki keadaan yang pada pandangannya memang tidak sempurna.
- Datuk Seri Dr. Mahathir pernah menegur orang Melayu, supaya bekerja lebih rajin bagi menyangkal dakwaan dan tomahan bahawa masyarakat Melayu malas bekerja.
- Beliau ingin membuktikan kepada dunia bahawa orang Melayu rajin dan cekap bekerja seperti apa yang dilakukannya sekarang".